



UNTUK EDARAN SEGERA

Peruntukan RM10 juta untuk Usahawan Belia Bumiputera

Kuala Lumpur, 23 Jun 2015 – SME Corp. Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi meneruskan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) pada tahun ini. Program ini adalah susulan kejayaan penganjuran TUBE buat julung kalinya tahun lepas, yang merupakan inisiatif Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan SME Corp. Malaysia selaku agensi pelaksana.

Program TUBE 2.0 ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YB. Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada hari ini di ibu pejabat SME Corp. Malaysia. Penyertaan kali ini disasarkan kepada seramai 500 orang belia, di mana 100 daripadanya juga akan diserap dari kalangan graduan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) sebagai projek perintis.

Program TUBE 2.0 kali ini adalah usahasama di antara SME Corp. Malaysia dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Belia Bumiputera berusia antara 18 hingga 40 tahun yang beraspirasi untuk menjadi usahawan adalah dijemput untuk menyertai program TUBE 2.0 ini. Format latihan '*boot camp*' dan bengkel perniagaan akan diadakan di seluruh negara dan tahun ini bakal menyaksikan pemilihan 12 lokasi Kem PLKN di seluruh negara berbanding 5 lokasi pada tahun lepas bagi memastikan pelaksanaan dan impak program yang lebih menyeluruh.

Menerusi pelaksanaan Program TUBE terdahulu, laporan suku pertama program telah menunjukkan perangkaan positif dan perkembangan yang sangat memberangsangkan kepada para peserta. Dengan objektif memupuk semangat keusahawanan, anjakan paradigma belia daripada pekerja kepada pemilik perniagaan serta membentuk daya tahan dalam pengendalian perniagaan, seramai

448 orang belia Bumiputera telah menyertai program ini. Seramai 440 orang atau 98.2% daripada jumlah keseluruhan peserta telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Lebih membanggakan, sehingga kini jualan terkumpul yang telah dihasilkan oleh perniagaan mereka telah mencecah RM5.87 juta dengan nilai purata jualan berjumlah RM13,000 bagi sebuah syarikat.

Di samping penjanaan jualan terkumpul yang semakin meningkat, program TUBE juga telah berjaya mewujudkan 991 peluang pekerjaan baharu menerusi perniagaan mereka. 80% daripada jumlah peserta berkecimpung dalam sektor perkhidmatan, 13% lagi menceburi sektor pembuatan, manakala baki 7% bergiat dalam sektor pertanian. Sektor perkhidmatan yang diceburi oleh para peserta TUBE ini lebih tertumpu kepada industri tekstil, pakaian dan aksesori di mana industri ini dilihat semakin berkembang dengan pesat di Malaysia terutamanya di bandar-bandar utama.

Pengekalan format program yang sama seperti pada tahun lepas dilihat sangat berkesan dan komprehensif dalam mencapai matlamat sebenar program. Para peserta TUBE 2.0 perlu menjalani Fasa 1 (Kecekalan Minda dan Daya Tahan Fizikal), Fasa 2 (Meningkatkan Pengetahuan Perniagaan) dan Fasa 3 (Bimbingan Perniagaan secara Efektif), kemudian perniagaan mereka juga perlu didaftarkan di bawah program Start Up Biz Toolkit atau Biz Pengayaan & Pengukuhan (E²) Pack. Di bawah Start Up Biz Toolkit, perniagaan pada dasarnya disediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran dalam jumlah RM15,000 setiap peserta untuk membantu memulakan perniagaan mereka. Biz Pengayaan & Pengukuhan (E²) Pack menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran untuk perniagaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan.

Belia Bumiputera yang berminat untuk turut serta di dalam program ini boleh melayari laman sesawang tube2.smeCorp.gov.my di mana pendaftaran secara atas talian akan dibuka bermula 1 Julai 2015, selama sebulan. Para peserta akan dinilai berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan di samping menjalani sesi temuduga sebelum penyertaan mereka diterima oleh SME Corp. Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut berkaitan TUBE 2.0, sila hubungi Sekretariat di tube@smeCorp.gov.my atau 03 - 2775 6000 / 6014 / 6110 / 6263.

-Tamat-

Untuk pertanyaan berkenaan media, sila hubungi Pn Raja Rozaila Azman di 03-2775 6203 atau email - rozaila@smecorp.gov.my, Pn Sarahana Mohamad di 03-2775 6225 atau email - sarahana@smecorp.gov.my.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Block B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-2775 6000

Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

E-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia.

SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.